

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 12 BILANGAN 21 RABU 24 MEI, 1967.

1387 رابو 14 صفر

PERCHUMA



Wang kertas baru Brunei telah di-chetak di-sabuah perchetakan di-United Kingdom. Dalam gambar ini kelihatan sa-orang perempuan sedang memeriksa wang kertas baru itu yang berharga sepuluh ringgit sa-belum di-chetak nombor2 dan tanda tangan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan di-atas wang kertas itu.

Wang Baru Brunei di-edarkan pada 12 Jun 1967

BANDAR BRUNEI. — Wang kertas baru Brunei akan di-edarkan mulai pada 12 Jun, 1967. Wang2 baru itu adalah berharga \$1, \$5, \$10, \$50 dan \$100.

Ukuran-nya ada-lah sama dengan ukuran wang kertas lama yang di-ke-luarkan oleh Surohanjaya Lembaga Matawang Malaya dan Borneo British.

Tiap2 sa-keping kertas itu bertikas ayer yang menunjukkan wajah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin. Perchetakan dan kertas-nya ada-lah sama darjah-nya dengan wang kertas yang lama.

Wang kertas yang ada sekarang ini akan terus di-gunakan untuk berjual beli sa-bagaimana keadaan-nya sekarang.

Orang ramai ada-lah di-nasehatkan supaya tidak payah membuat sa-barang urusan untok menukarkan wang yang di-gunakan sekarang yang ada dalam simpanan masing2.

Wang kertas lama itu akan di-tarek balek sedikit demi sedikit sambil wang kertas yang baru itu akan di-ke-luarkan bertambah banyak melalui Bank2.

Wang kertas lama itu akan beredar bersama2 dengan wang kertas baru dalam jangka waktu yang panjang.

Untok pengetahuan orang ramai, wang logam Brunei yang baru, buat sementara ini, tidak akan di-ke-luarkan sa-hingga satu pengumuman yang berasingan di-terbitkan kelak.

PERARAKAN SAMBUTAN MAULUD DI-DAERAH BRUNEI DAN MUARA SA-CHARA BESAR2AN TAHUN INI

BANDAR BRUNEI. — Satu perarakan sa-chara besar2an bagi menyambut Maulud Nabi Mohamad, s.a.w., bagi Daerah Brunei dan Muara akan di-langsungkan di-Bandar Brunei pada petang hari Thalatha 20 Jun, 1967.

Pasokan2 yang akan mengambil bahagian dalam perarakan itu akan berkumpul di-Padang Besar Bandar Brunei pada jam satu petang hari tersebut. Pasokan2 itu akan berarak melalui jalan2 raya di-Bandar Brunei mulai jam 1-30 petang dan balek ka-padang tersebut.

Sa-lepas itu akan di-adakan Bacha'an Al-Qur'an, Sharahan Maulud dan lain2 achara dituruti dengan upacara penyampaian hadiah2.

Perarakan tersebut ada-lah di-bahagikan kepada lima bahagian, ia-itu: (a) Lelaki Dewasa Kampong2, (b) Perem-

puan Dewasa Kampong2 terbuka kepada Darjah2 Dewasa, Jabatan2, Persatuan2, Maktab2 dan Sekolah2 Menengah. (c) Lelaki Dewasa — terbuka kepada Jabatan2, Persatuan2 dan Sekolah2 Menengah. (d) Murid2 Sekolah Lelaki dan (e) Murid2 Sekolah Perempuan.

Perarakan itu akan berarak dari Padang Besar Bandar Brunei melalui Jalan Elizabeth II, Jalan Stoney, Jalan Sumbiling Lama, Jalan Kumbang Pasang, Jalan Sekolah, Jalan Tasek, Jalan Sungai Kianggeh, Jalan McArthur, Jalan Chevalier dan balek ka-Padang Besar Bandar Brunei.

Borang2 untok mengambil bahagian dalam perarakan tersebut yang boleh-lah di-dapati daripada Setia Usaha Perarakan Maulud Nabi s.a.w., Yang Mulia Awang Haji Md. Tarib bin Pehin Seri Wangsa Haji Mohamed, d/a Pejabat Kadzi

Besar, Brunei hendak-lah di-kembalikan kepada beliau tidak lewat pada hari Sabtu 10 Jun, 1967.

Sharat2 bagi memasoki perarakan tersebut ada-lah saperti berikut: —


1. Tiap2 pasokan hanya di-beparkan mengisi satu borang sa-haja.

2. Borang yang di-sertakan hendak-lah di-isikan dengan lengkap dan di-kembalikan kepada Setia Usaha Perarakan Maulud Nabi S.A.W., d/a Pejabat Kadzi Besar, Brunei tidak lewat pada 10 Jun, 1967.

3. Banyak peserta dalam pasokan tidak di-hadkan. Walau bagaimana pun Ketua Pasokan di-kehendaki menyatakan banyak bilangan peserta yang mengambil bahagian.

4. Jika di-fikirkan perlu oleh Ketua pasokan untok membuat dua pasokan ada-lah di-bolehkan, tetapi hendak-lah mengisikan dua borang dengan menggunakan pasokan "A" dan "B", mithal-nya: Kg. Bunga Raya "A" dan Kg. Bunga Raya "B". Jika di-bahagi dua tidak kurang 30 orang tiap2 satu pasokan.

(Lihat muka 8)



GAMBAR ATAS: Satu pemandangan Rumah Pusat Kuasa Letrik di-Seria yang membekalkan kuasa letrik kepada pengguna2 letrik di-Daerah2 Belait, Brunei Muara dan Tutong.
GAMBAR BAWAH: Sa-orang pekerja kelihatan sedang memeriksa jentera gas turbine di-dalam Rumah Pusat Kuasa Letrik itu.

Pegawai2 Baru Majlis Mashuarat Pengakap Negeri Brunei

BANDAR BRUNEI. — Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah dilantik dengan sa-bulat suara menjadi Yang Dipertua baru Majlis Mashuarat Pengakap Negeri Brunei dalam Mashuarat Agong Majlis Mashuarat Pengakap Negeri Brunei yang telah di-langsungkan di-Ibu Pejabat Pengakap Negara di-Jalan Sinuai, Bandar Brunei pada petang hari Sabtu 13 Mei, 1967.

Pesuruh Jaya Pengakap Negeri Brunei, Awang Haji Ali Khan bin Abdul Khan telah memimpin persidangan tersebut, di-sebabkan Pengerusi Majlis Mashuarat Pengakap Negeri Brunei, Awang N. Bradbury pada masa ini berchuti di-luar negeri.


Pegawai2 Majlis Mashuarat Pengakap Negeri Brunei bagi tahun 1967/1968 yang telah dilantik dalam persidangan tersebut ada-lah saperti berikut:

Yang Dipertua — Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohd. Yusof bin Pgn. Haji Abdul Rahim. Naib Yang Dipertua — Dato P. A. Coates. Pengerusi — Awg. N. Bradbury. Bendahari Kehormat — Awg. Ong Kim Kee. Setia Usaha Kehormat — Awg. Zain Ariff.

Pegawai2 atas nama jawatan: Pesuruh Jaya Pengakap Negara —

Awang Haji Ali Khan bin Abdul Khan, Pesuruh Jaya Pengakap Daerah Brunei — Awg. Shahbudin bin Saleh. Pesuruh Jaya Pengakap Daerah Belait — Awg. Abu Bakar Othman. Penolong Pesuruh Jaya Pengakap Daerah Brunei — Awg. Yusof Daud. Penolong Pesuruh Jaya Pengakap Daerah Tutong — Awg. Mohd. Metamit Iradat. Penolong Pesuruh Jaya Pengakap Daerah Belait — Awg. H. A. D. Sulaiman. Pesuruh Jaya Penyusun — Pgn. Tajuddin bin Pengiran Ahmad. Pesuruh Jaya Latehan — Awang Yahya Mohd. Yusof.

Ahli2 yang di-lantek: Setia Usaha Persatuan Pengakap Daerah Brunei — Awg. V. A. George. Setia Usaha Persatuan Pengakap Daerah Belait — Awg. V. Abdul Salam. Guru Pengakap Daerah Brunei — Awg. Mahmud Shahrani Othman. Guru Pengakap Daerah Belait — Awg. Augustine Th'ng Layman Daerah Brunei — Awang Abdi Manaf bin P. H. A. Bakar. Layman Daerah Belait — Awang



Ahli2 Bersekutu dan Jawatan Kuasa

P. F. P. Nicholas.

Ahli2 Bersekutu: Awang Wally Skinner (Pengerusi Persatuan Pengakap Daerah Brunei); Pengerusi Persatuan Pengakap Daerah Belait akan di-lantek dalam Mashuarat Agong Tahunan Persatuan Pengakap Daerah Belait sadkit hari lagi; Awang Don Vincent Perera; Awg. N. M. Mathew dan Awg. Vincent B. Rajaratnam.

Ahli2 Jawatan Kuasa: Atas nama jawatan. Yang Dipertua — Yang Berhormat Pgn. Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof bin Pgn. Hj. Abdul Rahim; Naib Yang Dipertua — Dato P. A. Coates; Bendahari Kehormat — Awang Ong Kim Kee;

Setia Usaha Kehormat — Awg. Zain Ariff. Pesuruh Jaya Pengakap Negara — Awg. Haji Ali Khan bin Abdul Khan. Pesuruh Jaya Pengakap Daerah Brunei — Awg. Shahbudin bin Saleh. Pesuruh Jaya Pengakap Daerah Belait — Awang Abu Bakar Othman. Pesuruh Jaya Penyusun — Pengiran Tajuddin bin Pgn. Ahmad. Pesuruh Jaya Latehan — Awg. Yahya Mohd. Yusof.

Ahli2 yang di-lantek: Guru Pengakap Daerah Brunei — Awang Mahmud Shahrani Othman. Bukan Guru Pengakap Daerah Brunei — Awg. V. A. George (Setia Usaha, Persatuan Pengakap Daerah Brunei); Guru Pengakap Daerah Belait

— Awg. H. A. D. Sulaiman. Bukan Guru Pengakap Daerah Belait — Awg. V. Abdul Salam (Setia Usaha, Persatuan Pengakap Daerah Belait).

Ahli2 Bersekutu: Pengerusi Persatuan Pengakap Daerah Brunei — Awg. Wally Skinner. Pengerusi Persatuan Pengakap Daerah Belait akan di-lantek dalam Mashuarat Agong Persatuan Pengakap Daerah Belait sadkit hari lagi.

*Gunakan-lah Bahasa
Melayu*

BENARKAH ISLAM DI-SIARKAN DENGAN PEDANG?

(Sambongan)

PEPERANGAN2 SYEIDINA MOHAMMAD, S.A.W. DAN SAHABAT2 BELIAU MENURUT SEJARAH: Walau pun Islam memang benar2 mengambil berat tentang kekuatan orang2 Islam sama ada bagi persa-orangan maupun bagi keseluruhan umat, dan menyuruh membuat persiapan2 tentera untuk berjuang di-jalan Allah (Fi Sabilillah) pada detik2 yang di-perlukan, namun tidak-lah bererti bahawa peperangan itu merupakan prinsip utama dalam hidup. Apa yang sa-benarnya di-maksudkan dengan peperangan ada-lah hanya sa-bagai masa'alah yang di-perlukan (dzarurat) sa-waktu2 untuk menghindarkan pencherubohan dan kezaliman. Sedangkan keamanan ada-lah merupakan prinsip dan tujuan utama yang mesti di-laksanakan.

Keamanan menurut prinsip2 Islam jauh lebih dalam pengertian-nya daripada sa-kadar sa-bagai suatu hal yang mesti di-laksanakan. Malahan keamanan ada-lah menjadi pokok Akidah (prinsip keyakinan), dan salah satu unsur pendekiran Islam serta tujuan yang perlu di-tanamkan di-sanubari orang persa-orangan, masyarakat dan pembangunan umat. Peperangan2 Nabi Mohammad s.a.w, dan para sahabat ada-lah praktik daripada prinsip2 diatas. Beliau tidak berperang kalau tidak kerana membela kemerdekaan ugama-nya dan negara-nya. Peperangan2 beliau bukan bermaksud untuk memaksakan ugama Islam kepada pehak yang berperang dengan beliau.

Di-tinjau dari sudut sejarah peperangan Badr — umpamanya, nyata-lah bagaimana keadaan telah memaksa Mohammad menghadapi musuh beliau dengan tujuan mempertahankan ugama Allah dan negara Islam. Ini dapat kita lihat dari sebab2 yang di-sebutkan dibawah ini:—

1. Nabi Mohammad dan pengikut2 Beliau keluar daripada Madinah bukan-lah bertujuan untuk berperang, tetapi apabila Beliau mengetahui bahawa orang2 Quraish Mekah telah datang dan menyediakan angkatan perang yang besar jumlah-nya untuk tujuan perang, maka Nabi Mohammad pun mengadakan sidang mashuarat tergempar dengan para sahabat. Kalau-lah beliau keluar dari Madinah kerana tujuan berperang tentu mashuarat itu tidak akan di-adakan pada sa'at dan waktu yang demikian.
2. Orang2 Quraish keluar dari Mekah ada-lah dengan alasan untuk menyelamatkan

Di-susun oleh Abdul Hamid bin Bakal, M.A. (Al-Azhar)
Di-keluarkan oleh Badan Penerangan Ugama Islam,
Brunei.

"KAFILAH" mereka (angkatan yang membawa dagangan mereka dari utara). tetapi apa yang terjadi ialah bahawa Kafilah tersebut telah selamat sampai ka-Mekah tanpa mendapat gangguan daripada orang2 Islam dalam perjalanan-nya melalui Madinah, sehingga Abu Sufian yang mengetahui angkatan Kafilah itu telah menghantar keputusan kepada orang2 Quraish supaya kembali sahaja ka-Mekah. Tetapi Abu Jahal telah berkeras untuk meneruskan perjalanan.

3. Sa-bahagian daripada ketua2 Quraish telah menyatakan ka-enggan mereka untuk berperang kerana memandang tidak ada sebab mengapa harus terjadi peperangan sa-hingga Al-Akhnas bin Shuraiq bersama hampir seratus pengikut2-nya telah menarek diri daripada angkatan tersebut.
4. Nabi Mohammad telah mengutus Omar bin Al-Khattab untuk menemui angkatan perang Quraish tersebut menyuruh mereka kembali sahaja ka-Mekah, tetapi Abu Jahal dan pengikut2-nya enggan berbuat demikian dan berkeras juga untuk menghancurkan Rasulullah. Kerana itu mau tidak mau — walau pun angkatan orang2 Islam jauh lebih kecil daripada angkatan perang Quraish — terpaksa berjuang mempertahankan diri, ugama dan negara. Akhir-nya orang2 Quraish menderita kekalahan walau pun angkatan mereka jauh lebih besar daripada orang2 Islam.

PEPERANGAN UHUD

Sedangkan peperangan Uhud ada-lah merupakan pencherubohan orang2 Quraish terhadap orang2 Islam sa-bagai tindakan menuntut bela dan menebus kekalahan mereka dalam peperangan Badr.

PEPERANGAN AL-MARSII' ATAU BANI AL-MUSTALIK

Peperangan ini terjadi ia-lah kerana Al-Harith bin Dzihar telah mengumpulkan orang2-nya dan menggabungkan sa-bahagian besar daripada kaum2 Arab untuk menyerang Madinah, tetapi Nabi Mohammad Sa-telah mengetahui niat jahat itu telah bertindak chepat dalam mana Beliau telah mengutus Omar bin Al-Khattab supaya menyerukan ugama Islam dan jangan menyerang

Madinah. Tetapi mereka telah enggan dan tetap berkeras untuk meneruskan chita2 dan niat busuk mereka. Sudah semestinya-lah Nabi Mohammad bertindak dan berjuang menghadapi musuh Beliau, di-mana kemenangan telah berada dipihak beliau.

PEPERANGAN2 DENGAN ORANG2 YAHUDI

Begitu-lah juga hal-nya dengan lain2 peperangan Nabi Mohammad dan musuh2 Beliau yang lain; tidak pernah sa-kali pun Beliau memulakan permusuhan atau penyerangan, tetapi semua-nya ada-lah di-cheruboh dan kerana membela dan mempertahankan ugama Allah dan negara Islam.

Sa-benar-nya pertemporan2 yang berlaku antara pehak Nabi dengan orang2 Yahudi di-Madinah itu tidak-lah dapat di-anggap sa-bagai pertemporan, malahan ada-lah sa-bagai tindakan pemerintah terhadap anasir2 subversive. Sebab orang2 Yahudi ada-lah warga negara Madinah sendiri. Tetapi warga negara tersebut telah melanggar perjanjian bersama yang di-buat oleh Rasulullah kepada semua warga negara Madinah untuk sama2 memelihara keamanan dan mempertahankan negara daripada sa-barang pencherobohan.

Orang2 Yahudi telah menchabul perjanjian tersebut, saterus-nya suatu pengkhianatan terhadap negara dalam detik2 genting seperti apa yang pernah di-alami Rasulullah di-waktu peperangan 'Al-Ahzaab'.

Mereka berpura2 melahirkan muka manis terhadap orang2 Islam, tetapi di-kala itu juga mereka berusaha melakukan gerakan penikaman dari belahang terhadap Rasulullah dan

negara Islam. Mereka telah mengadakan bersama dengan orang2 Mushrikin Quraish untuk menghancurkan leborkan Rasulullah dan pengikut2-nya serta memberi pertolongan moral dan material dalam gerakan tersebut.

Dan ini suatu pengkhianatan dan suatu bahaya yang tidak boleh di-diamkan begitu sahaja demi untuk kesalahan dan keamanan negara. Sebab itu-lah Rasulullah berusaha melumpuhkan sama sekali sa-tiap perhubungan khianat orang2 Yahudi itu, di-mana orang2 Yahudi yang terlibat telah mendapat hukuman yang sa-timpal dengan kesalahan dan penipuan masing2.

Berlainan pula hal-nya dengan orang2 Nasrani. Pada suatu ketika tiba-lah rombongan orang2 Nasrani dari Najraan di-Yaman ia-itu sa-telah Nabi menyerukan supaya mereka masuk Islam.

Rombongan tersebut telah di-muliakan oleh Rasulullah sa-bagai tetamu2 Beliau. Nabi telah menyampaikan seruan Islam kepada mereka tetapi orang2 Nasrani itu maseh enggan memasoki ugama Islam, malah mereka telah mengadakan perdebatan dengan Rasulullah sa-hingga banyak-lah turun Ayat2 Qura'an terutama dalam Surah Aali Imraan untuk menyatakan pendirian Islam terhadap masa'alah yang di-perdebatkan.

Di-samping menghormati tetamu2 itu Rasulullah juga telah membenarkan mereka beribadat menurut ugama mereka di-Mesjid Beliau. Dan sa-waktu mereka akan kembali ka-Najraan, Nabi telah memberi selamat belayar kepada mereka.

Ini jelas membuktikan bahawa Nabi Mohammad tiada sa-kali-kali memaksakan Islam kepada mereka2 yang di-seru Beliau.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 24 Mei, 1967 hingga ka-hari Selasa 30 Mei, 1967 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
24 Mei	12-23	3-41	6-33	7-45	4-37	4-51	6-05	
25 Mei	12-23	3-41	6-33	7-45	4-37	4-51	6-05	
26 Mei	12-23	3-42	6-34	7-46	4-36	4-51	6-06	
27 Mei	12-23	3-42	6-34	7-46	4-36	4-51	6-06	
28 Mei	12-23	3-42	6-34	7-46	4-36	4-51	6-06	
29 Mei	12-23	3-42	6-34	7-46	4-36	4-51	6-06	
30 Mei	12-23	3-42	6-34	7-46	4-36	4-51	6-06	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.



Rokiah binte Ismail dari Daerah Brunei (kanan) telah berjaya menjadi johan dalam lumba lari 400 meter bahagian perempuan di-temasha Sokan Tahunan Kejohanan Seluruh Negeri Brunei di-Seria pada petang hari Ahad yang lalu.



Satu pemandangan pada masa di-adakan lumba lari 200 meter bahagian lelaki. Johan-nya ia-lah Rahim Yusof dari Daerah Brunei. Naib Johan dalam perlumbaan itu ia-lah Abdullah Mustafa dari Daerah Brunei juga.



Koh Bee Lian dari Daerah Brunei sa-orang peserta dalam perlawanan lontar lembing bahagian perempuan.

Sokan Kejohanan Brunei

PERLAWANAN Sokan Kejohanan seluruh Negeri Brunei pada tahun ini telah di-langsungkan di-Gelanggang Sokan Seria pada petang hari Ahad yang lalu dengan memperolehi kejayaan.

Temasha sokan tersebut telah di-adakan di-bawah anjuran Persatuan Sokan Amateur Negeri Brunei dengan di-saksikan oleh ramai para penonton dari berbagai2 bangsa.

Peserta2 yang berjaya dalam Temasha2 Sokan Kejohanan Daerah Brunei dan Belait telah mengambil bahagian dalam temasha sokan itu. Dan mereka yang berjaya dalam Temasha Sokan Kejohanan seluruh negara pada petang hari tersebut akan di-pilih untuk mewakili Negeri Brunei dalam Temasha Sokan Kejohanan seluruh Borneo yang akan di-langsungkan di-Negeri Brunei pada 14 dan 15 Julai akan datang.

Sungguhpun keadaan cuaca tidak begitu baik, akan tetapi Pegawai2 yang bertugas di-temasha sokan tersebut, terutama sekali Pengerusi-nya, Yang Mulia Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail (Pegawai Daerah Belait), telah kelihatan bertugas dengan bersungguh2 untuk menjayakan temasha sokan itu.

Meskipun tarikh yang akan di-langsungkan temasha Sokan Kejohanan Borneo pada tahun ini ia-lah lima puluh satu hari lagi dari hari ini, akan tetapi ada-lah di-nasehatkan kepada peserta2 yang akan mewakili Negeri Brunei dalam temasha sokan tersebut supaya mereka berlatih dengan bersungguh2 untuk memperolehi kejayaan dalam temasha sokan itu.

Sa-moga dengan hal yang sadermikian ada-lah di-harapkan bahawa Negeri Brunei akan berjaya menjadi Johan dalam Bahagian2 Lelaki dan Perempuan di-temasha Sokan Kejohanan Borneo pada tahun ini dan terus menyandang gelaran kejohanan itu pada tahun2 yang akan datang kelak.

SOKAN KEJOHANAN SELUROH NEGARA

PEGAWAI Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail yang juga menjadi Pengerusi Persatuan Sokan Amateur Negeri Brunei telah merasmikan pembukaan temasha Sokan Tahunan Kejohanan Seluruh Negeri Brunei, bagi pihak Yang Dipertua persatuan tersebut, Y.A.M. Pgn. Kerma Indra Haji Mohamed di-Gelanggang Sokan Seria pada petang hari Ahad 21 Mei, 1967.

Sa-banyak 28 jenis perlawanan, mengandungi 17 perlawanan bahagian lelaki dan 11 perlawanan bahagian perempuan telah di-jalankan di-temasha sokan tersebut.

Dua rekod baru telah di-chiptakan. Hamid Momin dari Daerah Belait telah menchiptakan rekod baru dalam lumba lari terus 400 meter dengan mengambil masa 53 sa'at. Rekod lama di-chiptakan oleh David Chelliah ia-lah 53.2 sa'at. Dayang Lim Geok Kheng dari Daerah Belait juga telah menchiptakan rekod baru dalam lumba lari 100 meter terus dengan mengambil masa 13.7 sa'at. Rekod lama di-chiptakan oleh Dayang Doreen Hiew dengan mengambil masa 13.8 sa'at.

Satu rekod telah di-dapati seri ia-itu dalam lumba lari 110 meter lompat pagar. Rani Metasan dari Daerah Brunei telah tidak dapat mengatasi rekod lama yang ia sendiri telah menchiptakan dengan mengambil masa 16.1 sa'at.

Oleh kerana keadaan cuaca tidak begitu baik pada petang hari tersebut, maka hadiah2 akan di-sampaikan di-satu majlis, sama ada di-Seria atau pun di-Bandar Brunei, pada satu tarikh yang akan datang kelak.




Pemenang lompat tinggi bahagian lelaki



Hamid Momin dari Daerah Belait kelihatan memenangi lumba lari 400 meter dengan mengambil masa 53 sa'at. Hamid telah berjaya menchiptakan rekod baru dalam perlumbaan itu. Rekod lama 53.2 sa'at telah di-chiptakan oleh David Chelliah.



Boniface Yeo dari Daerah Belait.



A. Sibidol dari Daerah Belait telah berjaya menjadi johan dalam perlawanan2 lontar lembing, huan, pelari dan lempar piring. Dalam gambar ini kelihatan Sibidol sedang berakal ketika mengambil bahagian dalam perlawanan lempar piring.

Sambutan Hari Jadi Askar Melayu Di-Raja Brunei

BANDAR BRUNEI. — Askar Melayu Di-Raja Brunei akan menyambut Hari Ulang Tahun-nya yang ke-enam pada hari Rabu 31 Mei, 1967 dengan mengadakan berbagai2 acara.

Pada hari tersebut juga ada-lah Hari Kelepasan Awam di-seluruh Negeri Brunei.

Perkhemahan Askar Melayu Di-Raja Brunei akan di-buka kepada orang ramai untuk melawat-nya mulai jam 2-00 petang hingga 6-30 petang pada hari tersebut.

Pada masa itu orang ramai akan di-beri peluang untuk menaik helikopter serta menembak di-padang tembak 25 ela.

Sa-bagai menyambut haritersebut Askar Melayu Di-Raja Brunei akan mengadakan Pertunjukan2 Senjata dan kelengkapan; Pertunjukan "Tattoo", ia-itu satu pertunjukan mengandungi kawat tanpa hukuman; pertunjukan penerbangan; pertunjukan hovercraft; perlumbaan Go Kart; dan di-ikuti oleh persembahan "Beating Retreat" oleh Pasukan Pancharagam Askar Melayu Di-Raja Brunei di-bawah pimpinan Pengarah Musik pasukan itu, Kapitan R. R. Greening.



Onn bin Timbang dari Daerah Brunei yang telah berjaya memenangi perlawanan lompat tinggi bergalah

SOKAN TAHUNAN M. A. A.

Pegawai Daerah Belait, Yang Mulia Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail kelihatan dalam gambar ini sedang menerima Tabek Kehormatan pada masa di-langsungkan upacara pembukaan rasmi Sokan Tahunan Maktab Anthony Abell, Seria di-padang maktab itu pada 13 Mei, 1967. Berdiri di-sabelah kanan dalam gambar ini memakai kacha mata hitam ia-lah Pengerua Maktab Anthony Abell, Awang Cadogan-Edwards.



SOKAN DAN OLAH-RAGA

BANDAR BRUNEI. — Perlawanan Bola Sepak antara Pejabat2 Kerajaan daerah Brunei, Muara dan Tutong, atas anjoran Persatuan Bola Sepak Daerah Brunei yang telah di-langsungkan di-Padang Besar, Bandar Brunei baru2 ini adalah seperti berikut: —

PADA 8 MEI, 1967: Perlawanan Peringkat Akhir Kumpulan "B" antara pasukan Gabungan Pejabat Daerah, Imigresen dan Perpindahan dengan Pasukan Jabatan Pelajaran telah di-langsungkan bertempat di-Padang Besar Bandar Brunei. Keputusan-nya Pasukan Gabungan Pejabat Daerah, Imigresen dan Perpindahan menang dengan 5 gol berbalas 2.

Maka dengan keputusan perlawanan pada petang itu selesai-lah perlawanan Bola Sepak antara Pejabat2 Kerajaan Daerah Brunei, Muara dan Tutong. Yang menjadi Johan pada tahun ini ia-lah Pasukan Gabungan Pejabat Daerah, Imigresen

dan Perpindahan dan memegang hadiah rebutan; sebuah Piala hadiah daripada Awg. Haji Serudin bin Abdullah. Yang menjadi Naib Johan ia-lah Pasukan Jabatan Pelajaran, Brunei.

Hadiah rebutan dan sijil2 kemenangan telah di-sampaikan oleh Yang Mulia Pengiran Syed Shahminan, Penolong Pegawai Daerah Brunei dan Muara kepada pasukan2 yang berjaya.

Perlawanan Sokan Tahunan yang ke-sebelas bagi Maktab Anthony Abell, Seria, telah di-langsungkan pada 13 Mei, 1967, bertempat di-Padang Maktab itu sendiri.

Yang Mulia Pengiran Momin bin Pgn. Haji Ismail, Pegawai Daerah Belait, telah menerima Tabek Kehormatan dari pasukan2 yang mengambil bahagian pada petang itu.

Hadiah2 rebutan dan hadiah2 kemenangan telah di-sampaikan oleh Awang Abdi Manaf bin P. H. A. Bakar, Penyusun Pendidikan Jasmani,

Sekolah2 Negeri Brunei kepada pasukan2 yang berjaya pada petang itu.

KEPUTUSAN2 PERLAWANAN

(a) Bintang2 sokan pada tahun 1967.

(i) *Kumpulan Laki2 "A"*: Awg. Thani bin Haji Abdul Rahman dari Pasukan Rumah Belait.

(ii) *Kumpulan Laki2 "B"*: Awg. Md. Hussain b. Gana dari Pasukan Rumah Temburong.

(iii) *Kumpulan Perempuan*: Dayang Lim Geok Kheng dari Pasukan Rumah Muara.

(b) Pertandingan Bangunan Pondok pasukan antara rumah2: —

(i) *Pertama*: Pasukan Rumah Belait mendapat 323 mata.

(ii) *Kedua*: Pasukan Rumah Temburong mendapat 303 mata.

(iii) *Ketiga*: Pasukan Rumah Tutong mendapat 284 mata.

(iv) *Ke-empat*: Pasukan Rumah Muara mendapat 275 mata.

(c) Johan antara Rumah2 ia-itu champoran semua mata kemenangan di-menangi oleh pasukan Rumah Belait, dengan mendapat 380½ mata.

Perlawanan Peringkat Pemilihan Persatuan Sokan Amateur Daerah Belait, telah di-langsungkan pada 14 Mei, 1967, bertempat di-Gelanggang Seria. Pemenang2 yang mendapat Pangkat Pertama, Kedua dan Ketiga tiap2 jenis perlawanan telah masuk berlawanan dalam Peringkat Negeri dengan perwakilan2 dari Daerah Brunei.

Perlawanan Peringkat Negeri telah di-langsungkan pada petang 21 Mei, 1967 di-Gelanggang Sokan Seria.

PADA 26 MEI, 1967: Akan diadakan Perlawanan Rentas Desa Peringkat Negeri antara Sekolah2 Rendah Melayu Negeri Brunei, berpusat di-Padang S.M.J.A., Bandar Brunei mulai jam 3-00 petang.

Di-susun oleh:
MD. HUSAIN ZAINAL

Mashuarat Agong Persatuan Pengakap Daerah Belait

SERIA. — Persatuan Pengakap Daerah Belait akan mengadakan Mashuarat Agong Ulang Tahun-nya di-Ibu Pejabat Pengakap Seria, berhadapan Maktab Anthony Abell pada jam 5 petang hari Juma'at 26 Mei, 1967.

Berbagai2 perkara mengenai Pergerakan Pengakap di-Daerah Belait akan di-bincangkan dalam mashuarat tersebut. Sa-lain dari itu, Pegawai2 baru Persatuan Pengakap Daerah Belait bagi tahun 1967/1968 akan juga di-lantek dalam mashuarat tersebut.



Satu Perlawanan Kereta "Go-Kart" telah di-adakan di kawasan perbarisan Askar Melayu Di-Raja Brunei di-bawah anjoran Brunei State Motor Club dan Askar Melayu Di-Raja Brunei baru2 ini dengan di-saksikan oleh ramai para penonton. Gambar ini di-ambil pada masa di-langsungkan Perlawanan kereta "Go-Kart" itu.



Pandu Puteri dari seluruh Negeri Brunei telah mengadakan satu perkhemahan di-Sungai Liang,

Daerah Belait baru2 ini. Dalam gambar ini kelihatan beberapa orang di-antara Pandu2 Puteri itu

sedang menikmati minuman pada masa mereka menghadiri Perkhemahan Pandu2 Puteri tersebut.

KENYATAAN KAPADA PELAUT2

Pergerakan Jentera Pelumbong SEDCO 135A

PELAUT2 ada-lah di-nyatakan bahawa mereka boleh jadi akan ternampak satu Kelengkapan Jentera Pelumbong SEDCO 135A sama ada menunda di atas dasar laut atau berlaboh untuk maksud2 mengorek tanah di-dalam kawasan laut antara garisan 100 depa dan pantai2 negeri Sarawak, Brunei dan Sabah.

Pada masa menunda di-waktu malam, Kelengkapan Pelumbong akan memancarkan cahaya2 lampu mengikut Perintah 5 dari Peratoran Antara Bangsa bagi Menchegah Perlanggaran di-Laut.

Apabila di-atas lokeshin pengorekan, pergerakan kelengkapan itu akan terhenti sa-olah2 berlaboh dengan sembilan sauh2 yang mana kelihatan terang memanjang keluar dengan jarak kira2 2000 kaki daripada Kelengkapan Pelumbong.

Tiap2 satu sauh akan di-tandakan dengan satu pelampung kuning yang tidak bersinar.

Kelengkapan itu ada-lah kira2 280 kaki daripada permukaan ayer. Ia ada-lah nampak tersergam pada siang hari dan di-chahayai oleh lampu2 terang pada malam hari.

Pelaut2 ada-lah di-minta untuk memberikan kawasan penambatan yang luas kepada Kelengkapan Pelumbong itu. Jika terpaksa berlayar berhampiran dengan-nya mahu-lah dengan berhati2 dan perlahan.

JACK TURNER,
PENGARAH LAUT,
BRUNEI.

JAWATAN KOSONG:

JURUTEKNIK MAKMAL PERCHUBAAN

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput bagi jawatan Juruteknik Makmal Perchubaaan di-Pejabat Perubatan dan Kesihatan, Brunei..

Kelayakan2:

- Chalon2 yang di-lantek bagi jawatan ini mesti-lah berumur 17 tahun tetapi tidak lebih dari 25 tahun. Mereka mesti-lah dari ra'ayat D.Y.M.M. Al-Sultan Brunei atau mereka yang berhak di-daftarkan sedemikian.
- Mereka mesti-lah lulus Sijil Persekolahan Seberang Laut.

Tinju Antara Murid2 Sekolah

BANDAR BRUNEI. — Satu Perlawanan Tinju terbuka kepada murid2 sekolah sahaja di-seluruh Negeri Brunei akan di-langsungkan di-Bandar Brunei sa-lama tiga malam, ia-itu pada malam 15, 16 dan 17 Jun, 1967. Tempat-nya belum-lah di-tetapkan lagi.

Perlawanan Tinju tersebut akan di-adakan di-bawah anjoran Persatuan Tinju Amateur Negeri Brunei untuk menggalakkan murid2 sekolah mengambil bahagian dalam permainan tinju.

Perlawanan Tinju itu ada-lah terbuka kepada murid2 dari semua sekolah2 dalam negeri ini. Mereka mesti-lah berumur tidak kurang daripada 12 tahun dan tidak lebih daripada 17 tahun.

Borang2 permohonan boleh-lah di-dapati daripada Setia Usaha Kehormat persatuan tinju tersebut, Awang S. Palaniandy, melalui Peti Surat 537, Bandar Brunei. Borang2 permohonan itu hendak-lah di-kembalikan kepada beliau sa-belum 10 Jun, 1967.

- Keutamaan akan di-beri kepada chalon2 yang mendapat kepujian (Credit) dalam Ilmu Sains dan/atau Ilmu Hisab.

Tingkatan Gaji:

Juruteknik Makmal Perchubaaan \$210x10 - 260/EB/270x15 - 360.

Juruteknik Makmal Terlateh \$380x20 - 480/EB/500x20 - 620.

Juruteknik Makmal Kanan \$660x30 - 900.

Ketua Juruteknik Makmal \$930x30 - 1050/EB/1080x30 - 1200.

Chalon2 yang terpilih akan di-lantek dalam perchubaaan sa-lama 3 tahun sa-bagai Juruteknik Makmal Perchubaaan, dan akan di-hantar keluar negeri bagi menjalani latehan.

Pegawai2 Perchubaaan di-kehendaki lulus semua peperiksaan di-masa menjalani latehan itu.

Pegawai2 Perchubaaan yang:

- lulus di-dalam peperiksaan terakhir; dan
- di-sokong oleh Ketua Pejabat mereka ada-lah berhak di-tetapkan sa-bagai Juruteknik Makmal Terlateh.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 30 Mei, 1967.

JAWATAN KOSONG:

MERINYU PERCHUBAAN KESIHATAN

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput bagi jawatan2 kosong sa-bagai Merinyu Kesihatan Perchubaaan di-Pejabat Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2: Pemohon2 mesti-lah berumur 18 tahun tetapi tidak lebih dari 25 tahun dan mereka mesti-lah menjadi ra'ayat D.Y.M.M. Al-Sultan Brunei atau berhak untuk di-daftarkan sa-demikian. Mereka mesti-lah lulus peperiksaan Sijil Persekolahan Seberang Laut dengan mendapat kepujian dalam bahasa Inggeris dan salah satu jurusan ilmu Sains 'Am. Keutamaan akan di-beri kepada mereka2 yang berkebolehan menulis dan berbahasa Melayu.

Gaji: Dalam sukatan gaji D. 1 EB 2 - \$210x10 - 260/EB/270x15 - 360.

Sharat2 Lantekan: Chalon2 yang terpilih akan di-lantek dalam perchubaaan sa-lama 3 tahun dan hendak-lah mendapat Sijil "The Royal Society of Health" dalam masa tersebut.

Chalon2 akan di-hantar ka-Singapura atau Malaya untuk menjalani latehan di-atas perbelanjaan Kerajaan.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat masing2 siapa di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 25 Mei, 1967.

KENYATAAN KAPADA PELAUT2

Nyala'an Api Di-Padang Minyak Seria

SHARIKAT Minyak Shell Petroleum Berhad Brunei telah memberi tahu bahawa ada sabilangan nyala'an2 api dalam padang minyak Seria sama ada di-atas atau berhampiran dengan pantai Brunei di-antara garisan lintang 114° 17' 13" dan 114° 23' 00" timur.

Pelaut2 ada-lah di-beri amaran bahawa nyala'an2 api yang berasingan ini boleh jadi akan di-padamkan dari satu masa kepada satu masa dan bentuk-nya ada-lah berbeza besar-nya.

JACK TURNER,
PENGARAH LAUT,
BRUNEI.

MAJLIS BELIA DAERAH TUTONG DI-TUBOHHKAN

KERIAM. — Majlis Belia Daerah Tutong telah di-tubohkan dalam satu mashuarat antara wakil2 Persatuan2 Belia di-Daerah Tutong, bertempat di-Dewan Persatuan Melayu Keriam Tutong pada pagi hari Juma'at 19 Mei, 1967.

Timbalan Yang Dipertua Agong Majlis Belia2 Negeri Brunei, Yang Mulia Awg. Suni bin Haji Idris telah mempekerusikan persidangan tersebut. Wakil2 delapan buah daripada sa-belas buah Persatuan2 Belia di-Daerah Tutong yang telah di-undang, serta juga beberapa orang para jemputan telah hadir.

Sa-bagai pendahuluan, Setia Usaha Sementara majlis tersebut, Awg. Junaidi bin O.K.S.N. Md. Safar telah mengemukakan berbilang2 terima kaseh atas kesudian para perwakilan dan para jemputan yang hadir di-majlis itu.

Dalam ucapan-nya, Awang Junaidi menegaskan bahawa dalam menuju chita2 yang sehat, maka saharus-lah seluruh Persatuan2 Belia di-Daerah Tutong bersatu untuk menuju ka-araf matalamat yang tertentu.

Pengerusi Majlis tersebut, Yang Mulia Awang Suni ketika berucap di-majlis tersebut telah berterima kaseh bagi pihak Majlis Belia2 Negeri Brunei kepada pemimpin2 Persatuan2

Belia di-Daerah Tutong yang hadir di-majlis itu.

Beliau menekankan bahawa oleh kerana Majlis Belia2 Negeri Brunei memandang peri mustahak-nya Persatuan2 Belia di-seluruh negara bersatu, maka Majlis Belia2 Daerah di-tubohkan dan dengan jalan ini maka kekuatan Persatuan2 Belia akan dapat di-rasa, di-lehat dan di-nekmati oleh semua pihak, kata beliau.

Beberapa so'alan telah di-kemukakan oleh para perwakilan dan semua-nya itu telah di-jawab oleh Yang Mulia Awang Suni.

Pada keseluruhan-nya, para pemimpin Persatuan2 Belia yang hadir telah menyambut baik tentang usaha Majlis Belia2 Negeri Brunei untuk menubuhkan sa-buah Majlis Belia di-Daerah Tutong.

Ahli2 Jawatan Kuasa Tetap Tertinggi Majlis Belia Daerah Tutong yang telah di-lantek dalam majlis tersebut ada-lah seperti berikut:

Naib Yang Di-Pertua: Awang Musa bin Edin dari Persatuan Melayu Penanjong. **Timbalan Naib Yang Di-Pertua:** Awang Md. Taib bin Haji Md. Said dari Persatuan Pemuda Pemudi Tanjong Maya. **Pengerusi Tetap:** Awang Md. Yunus bin Abu Bakar dari Persatuan Melayu Penanjong. **Setia Usaha Agong:** Awang Junaidi bin O.K.S.N. Md. Safar dari Persatuan Melayu Keriam Tutong. **Bendahari Agong:** Awang Emran bin Hussein dari Gerakan Pakatan Sukarela Tutong.



Ahli2 Jawatan Kuasa Tertinggi Majlis Belia Daerah Tutong yang telah di-lantek dalam Mashuarat Penubuhan Majlis Belia Daerah Tutong di-Dewan Persatuan Melayu Keriam Tutong pada 19 Mei, 1967.

DARI KIRI: Awg. Md. Taib bin Haji Md. Said (Timbalan Naib Yang Di-Pertua), Awg. Musa bin Edin (Naib Yang Dipertua), Awg. Md. Yunus bin Abu Bakar (Pengerusi Tetap), Awg. Junaidi bin O.K.S.N. Md. Safar (Setia Usaha Agong) dan Awg. Emran Hussein (Bendahari Agong).

Peraduan Bahath Anjoran P.M.K.T.

KERIAM. — Gerakan Pakatan Sukarela Tutong telah menganjurkan Persatuan Melayu Angkatan Pemuda Danau dalam satu Peraduan Bahath Peringkat Permulaan antara Persatuan2 Belia di-Daerah Tutong yang telah di-adakan di-bawah anjoran Persatuan Melayu Keriam Tutong bertempat di-Dewan P.M.K.T. pada pagi hari Juma'at 19 Mei, 1967.

Tajok yang di-bahatkan berbunyi "Ranchangan keluarga patut di-galakkan di-negeri ini". Gerakan Pakatan Sukarela Tutong bertugas sa-

bagai penchadang, manakala Persatuan Melayu Angkatan Pemuda Danau sa-bagai pembahath.

Pada hari Juma'at 26 Mei, 1967 mulai jam 9 pagi akan di-langsungkan Peraduan Bahath tersebut peringkat permulaan yang terakhir sekali di-Dewan P.M.K.T., di-mana Persatuan Melayu Sengkarai akan bertemu dengan Pasokan Persatuan Melayu Keriam Tutong.

Orang ramai ada-lah di-jemput hadir bersama untuk menyaksikan Peraduan Bahath tersebut.

Perbarisan Hari Jadi Baginda Queen

BANDAR BRUNEI.—Dengan titah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Timbalan Sultan satu upacara Perbarisan akan di-adakan pada hari Sabtu, 10 Jun, 1967 kerana menghormati Hari Keputeraan Rasmi Seri Paduka Baginda Queen.

Perbarisan itu akan di-adakan di-hadapan Pejabat2 Kerajaan di-Bandar Brunei.

Pakaian seragam dan bintang2 kehormatan hendak-lah di-pakai di-mana yang berkenaan. Tempat2 duduk akan disediakan bagi:-

- (a) Ahli2 Majlis Mashuarat dan isteri mereka;
- (b) Ketua Pejabat Negara dan Pegawai dari Perkhidmatan Pertadbiran Brunei serta isteri2 mereka;
- (c) Cheteria2, Anak Raja2, Menteri2, Pengulu2 dan Ketua2;
- (d) Ketua2 dari Sharikat Perniagaan;
- (e) Ketua Kaum.

Tetamu2 hendak-lah duduk di-tempat2 masing2 pukul 7.30 pagi.

SAMBUTAN MAULUD

(Dari muka 1)

Tiap2 satu pasokan hendak-lah membuat tiga barisan.

6. Satu pasokan di-bolekan membawa chogan kata tidak lebih daripada dua sahaja.

7. Chogan2 kata itu hendak-lah di-tulis berdasarkan dari ayat2 Al-Qur'an dan Hadith dan hendak-lah di-terjemahkan dalam bahasa Kebangsaan sama ada tulisan Jawi atau Rumi.

8. Chogan2 kata akan di-tapis terlebih dahulu oleh satu badan khas dan akan di-beri tahu jika di-dapati tidak lulus dengan sa-chepat mungkin kepada pihak yang berkenaan 2 hari sa-lepas tarikh penutup menghantar borang masuk. Jika tidak mendapat jawapan bererti chogan kata pasokan itu telah di-luluskan.

9. Ukoran chogan kata tidak lebih 3 kaki x 9 kaki dan tinggi 8 kaki.

10. Tidak di-bolekan dalam chogan kata berupa ukiran gambar2 patong gambar orang atau bentuk yang menyalahi dalam tujuan Sambutan Maulud Nabi S.A.W. Pihak hakim ada-lah berhak menolak atau memotong markah2 yang menyalahi peraturan ini.

11. Keputusan para2 hakim ada-lah muktamad.



Ahli2 Jawatan Kuasa Tertinggi Majlis Belia Daerah Brunei dan Muara yang telah di-lantek dalam Mashuarat Penubuhan Majlis Belia Daerah Brunei dan Muara di-Dewan Persatuan Patuh, Kampong Ayer Brunei pada 12 Mei, 1967.

Gambar ini di-ambil sa-lepas di-langsungkan Mashuarat Jawatan Kuasa tersebut di-rumah Timbalan Naib Yang Dipertua-nya, Awang Haji Md. Tarip bin P.S.W. Haji Mohamed baru2 ini.

DARI KIRI: Awg. Md. Yusof bin Mohamad (Bendahari Agong), Awg. Puasa bin Tudin (Naib Yang Dipertua), Awg. Mohd. Ali bin Mohd. Yusof (Pengerusi Tetap), Awg. Hj. Md. Tarip b. Pehin Seri Wangsa Haji Mohamed (Timbalan Naib Yang Dipertua) dan Pengiran Tuah bin Pgn. Mohamed Daud (Setia Usaha Agong).